☒ Sinar Harian
☐ Sinar Ahad

Tarikh: 25/4/2012
Hari: Rabu M/S: 4/10
Ruangan: Kampung Pasu

Keluarga perlu faham tugas pengamal media

Dr Mohamed Mustafa menyampaikan hadiah utama cabutan bertuah kepada pengamal media, Robiah Osman.

SINTOK - Keluarga harus memahami suasana kerja sebenar pengamal media yang sentiasa berdepan dengan tugas yang penuh cabaran tanpa mengira waktu.

Presiden Kelab Media Elit Kedah (KMEK), Kamarul Ariffin Md Yasin berkata, pengamal media di negeri ini kerap kali bertemu untuk tugasan harian namun, kekangan waktu membatasikan mereka meluangkan masa bersama keluarga untuk aktiviti di luar tugasan.

"Kami rasa pendekatan meluangkan masa bersama pengamal media dan keluarga merupakan medium terbaik bagi memberi pendedahan kepada ahli keluarga masing-masing.

"Sekurang-kurangnya ahli keluarga lebih memahami peranan pengamal media yang bekerja tanpa mengira waktu selain beberapa pengorbanan lain yang dilakukan pengamal media," katanya selepas Majlis Makan Malam sempena Hari Keluarga KMEK di sini, malam kelmarin.

Kira-kira 150 pengamal media dan keluarga hadir pada majlis cukup meriah yang diadakan di Hotel EDC, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Hadir merasmikan majlis, Naib Canselor UUM, Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak yang juga merupakan Penasihat KMEK.

Sementara itu, Dr Mohamed Mustafa berkata, beliau menghargai jasa dan pengorbanan pengamal media yang bertungkus-lumus membantu menyampaikan perkembangan universiti berkenaan kepada masyarakat baik dalam negara mahupun antarabangsa.

Menurutnya, peranan media juga sekali gus membantu melonjakkan nama UUM sehingga ke persada antarabangsa sehingga dikenali ramai.

"Kita berharap jalinan kerjasama seperti ini akan terus diperhebat dari masa ke masa bagi memastikan setiap pihak dapat memainkan peranan membantu antara satu sama lain," katanya.